

# Keli, patin jadi buruan pemancing

SEREMBAN 29 Nov. - Sebanyak 438 kilogram anak ikan pelbagai spesies dilepaskan ke dalam tasik di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini, hari ini.

Ia sempena pertandingan memancing yang akan memeriahkan Pesta Konvo USIM ke-9 mulai Khamis ini hingga Ahad ini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Mohammad Muda berkata, antara spesies anak ikan yang dilepaskan itu ialah keli dan patin.

Beliau berkata, ikan tersebut dipilih kerana kajian mendapati tasik tersebut sesuai sebagai habitat dan pembiakan ikan jenis itu.

"Kita harap ia akan dapat menggalakkan orang ramai untuk menyertai pertandingan memancing pada Ahad ini.

"Melalui program ini, USIM berharap ia dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat setempat di samping beriadah bersama keluarga," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas melancarkan gimik pelepasan anak ikan itu di sini hari ini.



Menurutnya, pelbagai aktiviti diadakan sempena pesta konvo itu antaranya pertandingan futsal dan bola jaring serta konsert Pancaindera.

Tambahnya, penyertaan bagi pertandingan memancing itu terbuka sehingga hari pertandingan.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Nordin di talian 019-3522046 atau Idris di talian 013-3052811.



**PROF. Dr. Mohammad Muda** (dua dari kanan) bersama Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni USIM, **Prof. Datuk Dr. Mohamad Asin Dollah** (kiri) dan Pendaftar, **Muhammad Haizuan Rozali** (kanan) melepaskan sebahagian ikan patin dan keli di tasik universiti itu semalam sebagai persediaan pertandingan memancing yang dianjurkan bersama *Utusan Malaysia* pada Ahad ini.